

Keupayaan kendali kapal selam perlu dipertingkatkan

UM 7 AUG 2001

LUMUT 6 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan memang mempunyai rancangan untuk membeli kapal selam untuk kegunaan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) tetapi belum memutuskan jenis kapal selam yang akan dibeli.

Perdana Menteri berkata, kerajaan berminat terhadap semua tawaran untuk menjual kapal selam tetapi yang penting sekali ialah keupayaan tempatan mengendalikan kapal selam perlu dipertingkatkan.

“Keupayaan tempatan

akan kita titik beratkan dalam semua pembelian persenjataan kita.

“Kata putus hendak beli memang ada. Kita berminat pada semua,” katanya ketika ditanya sama ada kerajaan membuat keputusan untuk membeli dua buah kapal selam terpakai yang sedang diperbaiki di PSC Naval Dockyard Sdn. Bhd. di sini.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas dibawa meninjau dua buah kapal selam iaitu jenis Swordfish Class dan Tiger Shark yang sedang diperbaiki di limbungan tersebut hari ini.

Baru-baru ini PSC Naval Dockyard diberi kontrak oleh syarikat dari Belanda, RDM Submarines NV untuk membaik-pulih dan meningkatkan keupayaan dua kapal selam tersebut.

Terpakai

Ketika ditanya sama ada pembelian kapal selam terpakai akan membahayakan krew TLDM, Dr. Mahathir menjawab: “Yang ini belum boleh belayar. Ia boleh diperbaiki.

“Syarikat terbabit boleh mempertingkatkan kapal selam itu menjadi baru.”